

# Pemerkasaan Pengajian al-Qur'an di Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) di Indonesia: Kajian di Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ) Jakarta

**BITARA**Volume 4, Issue 4, 2021: 041-053  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## Empowerment of Quranic Studies in Islamic Higher Education (PTAI) in Indonesia: A Study at PTIQ Jakarta Institute

Nurjanah Achmad,<sup>1</sup> Mustaffa Abdullah<sup>1\*</sup> & Mohamad Azrien Mohamed Adnan<sup>1</sup>

### Abstrak

Pengajian al-Qur'an di Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) di Indonesia berkembang pesat. Walau bagaimanapun, ianya masih dihadapkan dengan segudang persoalan, seperti bertumpu pada kitab klasik, metode pengajaran konvensional, teknologi terhad dan kemahiran pensyarah yang belum dikemaskini. Sementara, dunia memerlukan jawapan atas permasalahan umat yang semakin berkembang dari masa ke semasa. Rentetan itu, penyelidik menawarkan idea pemerkasaan di Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ) Jakarta-Indonesia sebagai sebuah institusi khas bidang al-Qur'an yang tersohor di Indonesia. Justeru, pemerkasaan pengajian al-Qur'an diharapkan dapat menjadi sarana pengembangan dan evaluasi di masa hadapan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai lima orang informan telah ditemubual. Temubual digunakan sebagai kaedah pungutan data utama dan disokong dengan penelitian dokumen penting yang berkaitan. Proses analisis data pula dilakukan dengan menggunakan metode analisis tematik. Hasil penyelidikan mendapati pemerkasaan pengajian al-Qur'an di PTIQ dilaksanakan dalam empat dimensi iaitu penilaian kurikulum dan silibus, pengembangan ICT, pemantapan metode pengajaran dan peningkatan profesionalisme tenaga pengajar. Pelaksanaan dimensi pemerkasaan yang disarankan ini diharap lebih mampu melonjakkan PTIQ sebagai satu pusat rujukan yang berwibawa dalam pengajian ilmu al-Qur'an sekaligus dapat melakar transformasi mencipta kecemerlangan melepas 50 tahun penubuhannya. Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh IPTA atau IPTS lainnya sama ada di Indonesia maupun di Malaysia untuk mengambil langkah memperkasakan lagi bidang pengajian al-Qur'an agar setaraf dengan bidang pendidikan arus perdana yang lain.

### Kata kunci:

Pemerkasaan, pengajian al-Qur'an, Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI), Institut PTIQ Jakarta.

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jln Profesor Diraja Ungku Aziz, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA.

### Corresponding Author:

Mustaffa Abdullah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jln Profesor Diraja Ungku Aziz, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA

\*e-mel: mustaffa@um.edu.my

**Abstract**

To date, the Quranic Studies in Islamic Higher Education (PTAI) in Indonesia is growing rapidly. However, it is still faced with a myriad of problems, such as relying on classical books, conventional teaching methods, limited technology and the lecturers' skills that have not been updated. Meanwhile, the world needs answers to the various problems that are growing over time. To overcome these issues, the idea to empower the Quranic Studies is offered to be implemented at PTIQ Jakarta Institute as a special institution in the field of the Quran which is famous in Indonesia. Thus, empowerment of Quranic Studies is expected to be a means of developing and evaluating in the future. In this study, a qualitative approach is used. Five participants were interviewed. Interviews were used as the main data collection method and were supported by review on the relevant documents. The process of data analysis is also performed by using thematic analysis methods. The results of this study have shown that empowerment of Quranic Studies at PTIQ was carried out in four dimensions, namely curriculum and syllabus assessment, ICT development, strengthening teaching methods and improving the professionalism of lectures. The implementation of this suggested dimension of empowerment is expected to be able to increase the PTIQ as an authoritative reference center in the Quranic Studies and at the same time be able to carry out the transformation of creating brilliance after 50 years of existence. The results of this study can be used as a reference by other public and private universities, either in Indonesia or in Malaysia, to take further steps in strengthening the field of Quranic Studies to be equivalent with other areas of Islamic Studies.

**Keywords:**

Empowerment, Quranic Studies, Islamic Higher Education (PTAI), PTIQ Jakarta Institute.

**Cite This Article:**

Nurjanah Achmad, Mustaffa Abdullah & Mohamad Azrien Mohamed Adnan. 2021. Pemerkasaan pengajian al-Qur'an di Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) di Indonesia: Kajian di Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ) Jakarta. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(4): 41-53.

## Pengenalan

Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI) di Indonesia secara kelembagaan berkembang pesat, seiring dengan perkembangan masyarakat Indonesia sejak Islam bertapak di Indonesia (Badri Yatim, 2010). Menerusi sejarah dapat diperkatakan bahawa umat Islam Indonesia memberi perhatian yang cukup tinggi terhadap al-Qur'an. Lembaga-lembaga pengajian Islam yang ada pada masa itu tidak sahaja mengajarkan hal pengajaran tatacara membaca al-Qur'an yang baik sesuai ilmu tajwid, tetapi juga pengajian mendalam mengenai kandungan al-Qur'an. Bahkan menurut catatan Federspiel (1994), pada awal abad ke-20 telah terjadi perubahan penting, iaitu terjadinya pengajaran membaca al-Qur'an secara sistematik dan klasifikasi. Setelah prinsip-prinsip tatacara membaca al-Qur'an yang baik tersebut dikuasai, lalu pindah ke pengajaran kitab dengan pelbagai disiplin keilmuan Islam, seperti ilmu tafsir dan ilmu al-Qur'an.

Di abad ke-21 ini, ketika perubahan sosial, budaya dan politik semakin tegang di tingkat tempatan, kebangsaan dan global, maka PTAI harus dapat menghadapi segala cabaran perubahan tersebut. Oleh itu, menurut Azyumardi Azra (2000), setidaknya ada dua peranan strategik PTAI di Indonesia yang boleh menyahut cabaran tersebut. Pertama, peranan struktur organisasi. Kedua, peranan sosial kebudayaan. Berdasarkan kedua peranan tersebut, PTAI teruja untuk menghidupkan kembali pengamalan Islam menerusi budaya ilmu, sekaligus

menangkis kepercayaan yang bersifat tahayul dan khurafat serta budaya taklid. PTAI juga mesti responsif terhadap dinamika perubahan sosial, budaya, politik dan ekonomi di masyarakat.

Walau bagaimanapun, hal tersebut harus dapat diletakkan pada posisi yang tepat dan berkadar jika PTAI ingin dapat terus bertahan menghadapi perubahan zaman. PTAI juga harus memiliki kreativiti, senantiasa menjunjung nilai ilmiah, imaginasi berpikir yang tinggi dan mempunyai pandangan dengan orientasi masa depan. Hal demikian untuk menuju institusi pengajian tinggi yang universal. Oleh itu, PTAI berupaya memperbaharui kelembagaan dan kurikulumnya. Ianya juga harus mengubah strategi dan taktik operasional. Strategi dan taktik itu menuntut pembaharuan dan pengembangan di setiap fakulti atau jabatannya sehingga lebih cekap dan berkesan dalam ertian pedagogi, sosiologi dan kebudayaan (Amiruddin, 2017).

Ekoran daripada itu, jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) sebagai jabatan yang mempunyai ciri khas pengajian al-Qur'an dalam kurikulum silibusnya tidak ketinggalan ikut sekali menjadi sorotan. Hala tuju keberadaan pengajian al-Qur'an di jabatan IAT mendapat perhatian khas. Hal tersebut wajar kerana pengajian al-Qur'an merupakan sumber asas daripada ilmu pengajian Islam lainnya.

Namun mutakhir ini, kurikulum dan silibus di jabatan IAT mengandungi muatan kontroversi. Misalnya, kurikulum di sebahagian jabatan IAT memperkenalkan *Hermeneutika* sebagai alternatif pendekatan dalam memahami tafsir al-Qur'an (Noor Farida dan Kusrini, 2013; Safrudin Edi Wibowo, 2017). Walaupun demikian, di sesetengah PTAI masih wujud yang memegang tradisi sanad dalam mengembangkan kajian ilmu-ilmu al-Qur'an yakni bahan rujukan dalam pembuatan kurikulum dan silibus masih menggunakan kitab-kitab klasik '*Ulūm al-Qur'ān* (Mohamad Hudaeri, 2014).

Selain itu, perkembangan teknologi turut memberi kesan kepada p&p pengajian al-Qur'an di jabatan IAT. Keberadaan perangkat digital bagi pisau tajam. Jika ianya tidak dijadikan sebagai media pembelajaran maka akan mengalami ketinggalan dan pada akhirnya ditinggalkan. Oleh itu, ianya sebuah keperluan untuk mengintegrasikan pembelajaran dengan keadaan digital (Mulyono, M. dan Wekke, I. S., 2018).

Daripada aspek lain pula, bentuk pengajaran yang diimplementasikan masih terikat dengan kaedah konvensional tanpa melihat kepada kaedah inovatif (Yohan Kurniawan, et.al, 2012), masih tertumpu kepada kaedah tradisional serta tidak kreatif dalam proses p&p (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, 2007). Hal tersebut disebabkan kekurangan maklumat pengajaran terkini serta kurang penekanan terhadap aspek penglibatan pelajar. Oleh itu, pensyarah perlu memperbaharui kemahiran yang sedia ada supaya objektif pengajaran mencapai sasaran. Kerana semua ini akan memberi impak kepada pencapaian pembelajaran seiring dengan kemajuan semasa.

Melihat sebahagian realiti ini maka pengajian al-Qur'an di jabatan IAT di PTAI harus dimotivasi untuk memperkuat eksistensi dan peranannya di era global. Di satu sisi, harus berupaya mengembangkan kreativiti untuk menemukan solusi zaman yang terbaik. Sedangkan di sisi lain, tetap harus mempertahankan jati dirinya sebagai sumber ajaran.

Walaupun pelbagai langkah pernah dilakukan untuk meningkatkan pencapaian di jabatan IAT di setiap PTAI, namun masih banyak dimensi dan ruang boleh diperkasakan bagi memartabatkan jabatan IAT sebagai wadah pengajian al-Qur'an yang terunggul di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Lantaran itu, penyelidik merasakan perlu diadakan suatu kajian

ilmiah yang mendalam tentang pemerkasaan pengajian al-Qur'an di PTAI, khususnya di jabatan IAT.

Akibat daripada kekangan masa dan kos perbelanjaan, penyelidik mengambil sampel PTAI di Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ) Jakarta. PTIQ ditubuhkan pada 1 April 1971. Institusi ini menjadikan bidang pengajian al-Qur'an sebagai ikon kampus yang disepakukan dengan program-program pengajian lain. Keunikan dan ciri khas yang ditampilkan PTIQ menjadikan kurikulum dan silibusnya berbeza daripada program pengajian al-Qur'an sedia ada di PTAI lainnya di Indonesia.

Berdasarkan hasil-hasil yang telah dicapai PTIQ sehingga kini, maka pemerkasaan pengajian al-Qur'an membutuhkan penyempurnaan di pelbagai sisi. Di usia emasnya kini, sudah tiba masanya PTIQ melakar transformasi mencipta kecemerlangan untuk muncul sebagai sebuah institusi pengajian al-Qur'an tersohor dalam *niche area* yang tersendiri. Sebagai institusi pendidikan al-Qur'an yang terulung di Indonesia, PTIQ sewajarnya memainkan peranan penting bukan sahaja untuk melahirkan sumber manusia yang profesional bertaraf dunia dalam bidang al-Qur'an, malah membangunkan potensi modal insan yang dapat memenuhi dan meningkatkan peradaban ummah.

## Metode Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Temubual telah digunakan sebagai kaedah pungutan data utama dan disokong dengan penelitian dokumen penting yang berkaitan. Seramai lima orang informan telah ditemui bual iaitu Dekan Fakulti Usuluddin PTIQ (Informan DF), Ketua Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (Informan KJ) dan tiga orang pensyarah di jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (Informan P1, P2 dan P3). Sementara metode analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan pendekatan yang telah dikemukakan oleh Miles et. al. (2014), bahawa analisis data dalam kajian kualitatif dilakukan secara berterusan dan interaktif sehingga selesai.

## Tempat Kajian

Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ) adalah institusi pengajian tinggi Islam pertama yang secara khusus menghafaz dan mempelajari al-Qur'an. Dua tahun setelah PTIQ berdiri, Universitas Islam Madinah, Arab Saudi, membuka fakulti khusus ilmu al-Qur'an dan PTIQ berperanan sebagai pengasasnya (Laman Sesawang PTIQ).

Sudah setengah abad PTIQ ditubuhkan, iaitu pada 1 April 1971. Pengasasnya adalah Yayasan Ihya Ulumudin yang ditadbir KH. Mohammad Dahlan (Menteri Agama 1967-1971), Prof. KH. Ibrahim Hosen, LML dan KH. Ahmad Zaini Miftach (Laman Sesawang Wikipedia). Namun, pada 12 Mei 1973 pentadbiran institut ini diserahkan kepada Yayasan Pendidikan al-Qur'an yang ditubuhkan oleh Letjen (Purn.) DR. Hj. Ibnu Sutowo. Kini, yayasan itu diteruskan oleh salah seorang putera Ibnu Sutowo iaitu Hj. Ponco Susilo Nugroho (Borang Akreditasi Program Studi IAT Fakulti Usuluddin Institut PTIQ Jakarta, 2019).

Sejak ditubuhkan, lembaga pendidikan al-Qur'an ini secara berturut-turut dipimpin oleh ulama-ulama besar Indonesia. Mereka adalah KH. Mohammad Dahlan, Prof. KH. Ibrahim

Hosen, LML, Letjen (Purn.) DR. Hj. Ibnu Sutowo, KH. Syukri Ghazali, Prof. KH. Zainal Abidin Ahmad, Prof. Dr. KH. Bustami A. Ghani, Prof. Dr. KH. Chatibul Umam dan kini Prof. Dr. Hj. Nasaruddin Umar, M.A (Laman Sesawang PTIQ).

PTIQ pada awalnya hanya mempunyai dua fakulti, iaitu Syariah dan Usuluddin. Selain itu, nama PTIQ pernah mengalami beberapa perubahan seiring dengan peraturan perguruan tinggi yang ada. Nama PTIQ pernah berubah menjadi Institut Studi Ilmu al-Qur'an (ISIQ). Namun, untuk mengembalikan nama besar PTIQ, maka kemudian nama itu berubah menjadi Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (IPTIQ). Hal tersebut diperlukan untuk meningkatkan imej serta membentuk budaya kerja baru yang berteraskan profesionalisme, tadbir urus yang baik dan bersedia melakukan perubahan untuk memastikan kewujudannya sentiasa relevan dengan tuntutan masa dan persekitaran. Ekoran perubahan itu, kini PTIQ telah mempunyai empat fakulti iaitu Syariah, Usuluddin, Dakwah, dan Tarbiyah.

Pada tahun akademik 1999/2000 PTIQ telah membuka Program Pascasarjana Ilmu Agama Islam. Dalam masa yang sama, PTIQ membuka Program Pascasarjana Ilmu Agama Islam dengan bidang kajian Ilmu Tafsir (IT). Hal ini disebabkan PTIQ mempunyai ciri-ciri responsif dan peka dengan kehendak pelanggan, mempamerkan imej yang bersih, membudayakan ilmu serta mengutamakan prestasi. Tambahan lagi, pengurusan PTIQ yang gemilang berpaksikan kepada profesionalisme yang tinggi di dalam memberi perkhidmatan kepada pelajar, maka PTIQ juga telah diizinkan membuka Program Pascasarjana S3 (doktoral) untuk jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (Laman Sesawang PTIQ).

Sejak ditubuhkan sehingga kini, PTIQ telah memberi imej positif kepada pihak luar. Antaranya, PTIQ mempunyai pelbagai program yang diperkenalkan bagi membolehkan umat Islam yang berminat mengikuti aktiviti yang dianjurkan seperti LPTQ (Lembaga Pelatihan Tilawatil Qur'an). LPTQ dirangka khusus untuk melahirkan generasi al-Qur'an yang dapat mengembalikan tradisi kegemilangan ilmuwan Islam dalam usaha memartabatkan agama bangsa dan negara di mata dunia (Borang Akreditasi Program Studi IAT Fakulti Usuluddin Institut PTIQ Jakarta, 2019).

## **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Zaili Rusli (2014) menyatakan bahawa pemerkasaan ialah suatu usaha untuk menjadikan sesuatu dari keadaan yang tidak perkasa, tidak bertenaga, tidak berkekuatan menjadi keadaan yang perkasa, bertenaga, atau kuat. Pemerkasaan lebih bersifat kontekstual sosiologis, ertinya bagaimana manusia dapat mempertahankan hidup (*survival*), tidak hanya dari segi fizikal, tetapi lebih dari itu pemerkasaan berhubungkait dengan penglibatan, akses dan kemampuan untuk memperbaharui dalam banyak perkara, seperti pengetahuan (ilmu), ekonomi, politik, hukum dan pelbagai segi kehidupan manusia. Dengan demikian keupayaan yang dimiliki seseorang individu atau kumpulan untuk membuat pilihan dan mentransformasikan pilihan tersebut menjadi tindakan yang dikehendaki untuk mendapatkan hasil maksimal adalah suatu pemerkasaan.

Justeru, pemerkasaan pengajian al-Qur'an yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini adalah serangkaian tindakan perencanaan dan penataan ulang program pengajian al-Qur'an yang disesuaikan kembali dengan sasaran pengajaran moden secara berperingkat tanpa

menafikan kecemerlangan sedia ada yang telah dicapai. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Suyanto (2006), bahawa fungsi penelitian di perguruan tinggi antara lain penegakan budaya akademik, memecahkan masalah yang dihadapi manusia, pembaharuan terhadap ilmu yang dimiliki pensyarah dan memberdayakan kegiatan p&p secara profesional. Dan, perkara ini semestinya disokong oleh strategi yang lebih baik sebagaimana pandangan Ahmad Syafi'i Ma'arif (1997), bahawa paling tidak ada empat komponen yang memegang peranan penting dalam pengembangan pendidikan tinggi Islam iaitu, (1) consortium pendidikan tinggi Islam, (2) badan penyelenggara, (3) rektor/pimpinan dan (4) tenaga edukatif. Hal ini juga selari dengan persepsi Muzhoffar Akhwan (1997) yang mana ada dua hal yang perlu mendapat perhatian dalam pengembangan pendidikan Islam khususnya di lingkungan pengajian tinggi, iaitu: (1) mengembangkan upaya untuk selalu menambah, memperluas wawasan keilmuan serta kualiti para pensyarahnya dan (2) terciptanya suasana institusi yang kondusif bagi peningkatan mutu akademik, seperti tersedianya sarana dan prasarana yang representatif. Sehubungan itu, penyelidik mencadangkan empat dimensi pemerkasaan pengajian al-Qur'an dalam penyelidikan ini. Penyelidik turut merakamkan hasil dapatan temu bual daripada informan kajian berkenaan dengan pemerkasaan pengajian al-Qur'an di PTIQ.

## Makna Pemerkasaan

Pemerkasaan boleh dilaksanakan dalam pelbagai bidang kehidupan manusia termasuklah dalam bidang pendidikan Islam. Pengajian al-Qur'an pula bahagian daripada pendidikan Islam. Justeru, pemerkasaan pengajian al-Qur'an boleh ditakrifkan sebagai cara menghidupkan kembali pengajian al-Qur'an dengan konteks kekinian dan menyentuh ke semua lapisan masyarakat. Lantaran itu, pemerkasaan pengajian al-Qur'an harus dilakukan untuk pengembangan keilmuan sebuah jabatan atau pun institusi. Hal ini sebagaimana perakuan daripada informan KJ sebagai berikut:

Sebuah upaya untuk menampung pelbagai perkembangan ilmu, metode dan pendekatan dalam mengkaji al-Qur'an masa kini. Tetap mempertahankan kajian al-Qur'an oleh ulama klasik. Namun kajian kontemporari menjadi alat untuk meningkatkan pengajian al-Qur'an di kampus.

Di samping itu, penyelidik dimaklumkan oleh informan P2 bahawa pemerkasaan pengajian al-Quran di PTAI harus menjadi ruh dan magnet suatu perguruan tinggi yang berbasis al-Qur'an. Sementara, informan lain berpandangan bahawa pemerkasaan pengajian al-Qur'an harus dibezaikan dengan ilmu-ilmu keislaman lainnya namun harus tetap berganding tangan dalam memberikan solusi permasalahan umat. Perkara ini telah disampaikan oleh informan P3 dan turut diperakui oleh informan DF dengan pernyataan berikut:

Pemerkasaan pengajian al-Qur'an harus tetap dibezaikan dengan ilmu-ilmu keislaman lainnya, seperti fekah, usul fekah, hadith dan lain-lain. Masing-masing memiliki basis *ontologi*, *epistemologi* dan *axiologi* yang jelas berbeza. Namun demikian, masing-masing harus selalu terintegrasi, sehingga '*Ulum al-*

*Qur'an* dapat menjadi sumber berwibawa dan bijak ketika berhadapan dengan persoalan umat.

Ekoran daripada makna-makna yang diberikan oleh informan kajian di atas, penyelidik mendapati pihak PTIQ telah melakukan suatu usaha untuk melakukan pengembangan yang sesuai dengan bidang pembelajaran menuju kepada kemandirian dengan menyediakan polisi undang-undang dan peraturan yang menjadi asas pendidikan Islam iaitu al-Qur'an. Justeru, pemerkasaan pengajian al-Qur'an bukan sesuatu yang hanya berorientasi kepada wacana atau dimensi formaliti sahaja tetapi juga harus dilengkapi dengan peningkatan kesedaran seluruh pihak. Justeru, PTIQ menekankan dimensi inovasi dan kreativiti sebagai pemacu utama bagi menyediakan perkhidmatan yang sistematik dan selaras dengan kehendak semasa. Dan, hal ini sebagai upaya untuk terus memantapkan PTIQ sebagai sebuah institusi pendidikan al-Qur'an tersohor di negara Indonesia. Beberapa langkah yang diambil meliputi empat dimensi pemerkasaan iaitu penilaian kurikulum dan silibus, pengembangan ICT, pemantapan metode pengajaran dan peningkatan standard profesionalisme tenaga pengajar.

## Penilaian Silibus dan Kurikulum

Dipahamkan, sebelum tahun akademik 2014/2015 seluruh program studi atau jabatan di PTAI melakukan pengubahsuaian kurikulum yang mengarah kepada pengembangan kurikulum. Maksud dan tujuan pengembangan kurikulum adalah untuk meningkatkan kualiti graduan agar dapat memberikan maklum balas tentang keperluan dan tuntutan masyarakat. Ekoran itu, kurikulum-kurikulum sebelumnya di PTAI disemak semula mengikut keperluan sistem semester dan keperluan masing-masing kampus bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Hasil dari pengembangan kurikulum tersebut, jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) sekarang menggunakan kurikulum berbasis iaitu *Kerangka Kualifikasi Nasional Indonesia (KKNI)*. (Borang Akreditasi Program Studi IAT Fakulti Usuluddin Institut PTIQ Jakarta, 2019).

Berdasarkan *KKNI*, secara amnya kurikulum dan silibus pengajian al-Qur'an di PTIQ khasnya jabatan IAT terbahagi dua yakni Pengajian Ilmu al-Qur'an dan Pengajian Ilmu Tafsir. Terkini, pengajian juga dilakukan di luar teks asal, misalnya *Hermeneutika*, *Ilmu Musabaqah al-Qur'an* dan *Living al-Qur'an*. Khusus *Hermeneutika*, ada di antara PTAI tidak menggunakan istilah *Hermeneutika* sebagai nama sebuah kursus. Institut Ilmu al-Qur'an (IIQ) di Jakarta salah satu contohnya. Kampus ini tidak mencantumkan *Hermeneutika* di dalam senarai kursus-kursus yang ditawarkan. Walau bagaimanapun, terdapat kursus *Kajian al-Qur'an Kontemporer* yang diperkenalkan kepada pelajar sebagai ilmu pengetahuan moden dalam bidang Pengajian Ilmu Tafsir. Dan *Hermeneutika* termasuk dalam perbincangan kursus tersebut. Manakala di sebahagian PTAI lainnya secara jelas menawarkan *Hermeneutika* sebagai kursus yang wajib diambil oleh pelajar. PTIQ Jakarta termasuk dalam kelompok ini. Walaupun demikian, kursus *Studi Ilmu al-Qur'an Kontemporer* tetap ditawarkan oleh jabatan IAT di PTIQ.

Susulan itu, pada segmen ini penyelidik mendapati maklum balas daripada seluruh informan kajian adalah sama. Bahawa kurikulum dan silibus yang sedia ada telah bersesuaian dan telah melalui penyempurnaan beberapa peringkat. Perkara ini dapat dibuktikan apabila PTIQ yang telah beberapa kali membuat perubahan kurikulum dalam bidang pengajian al-

Qur'an dengan maksud untuk pengembangan, pengubahsuaian dan implementasi dengan keadaan semasa di era moden ini. Berikut pernyataan daripada informan P2: "Tentunya, sudah sesuai menurut kami. Setiap empat tahun selalu di-update. Itu pertanda ada upaya penyesuaian yang berkesinambungan dan berkelanjutan".

Dapatan kajian ini telah menyokong kajian Abdu Rahim Hamdan (2007), Noor Hisham Md Nawi (2011) dan Mohamad Hudaeri (2014) bahawa kurikulum merupakan prosedur bagi suatu perancangan pelajaran, ianya mesti dilakukan penilaian sama ada dilaksanakan secara terhad atau meluas. Jadi, apabila di dalam konsep kurikulum sebelumnya terdapat suatu matlamat yang belum dicapai maka akan dilakukan upaya penilaian dan pengembangan kurikulum.

Dengan demikian, PTIQ telah mengambil tindakan tepat dengan cara menyemak dan mengkaji semula kurikulum dan silibus pengajian al-Qur'an secara berkala kerana ianya merupakan nadi bagi setiap program pendidikan Islam lainnya. Hal ini sebagaimana pandangan daripada informan P5 bahawa pengajian al-Qur'an merupakan kursus asas dan wajib di setiap jabatan sebagai bentuk pembekalan para calon sarjana Islam agar mengenal dasar-dasar agama dan menjadi pedoman paling prinsip dalam menghadapi dinamika permasalahan umat yang terus berkembang, maka diperlukan maklum balas yang berwibawa dari para sarjana Muslim. Walhal, penilaian kurikulum silibus pengajian al-Qur'an di PTIQ menjadi keniscayaan melihat semakin kompleksnya keperluan zaman. Pengajian al-Qur'an mesti memuat penyelidikan berkelanjutan yang membutuhkan perangkat yang multidisiplin.

## Pengembangan ICT

Pada era digital yang ditandai dengan euforia teknologi seperti sekarang ini, institusi pengajian tinggi Islam sudah selayaknya mampu menggunakan media teknologi untuk melahirkan inovasi dalam pendidikan Islam. PTAI misalnya, mempunyai keterikatan antara kajian keislaman dengan kemajuan ilmu pengetahuan, teknologi dan media komunikasi sangat erat sekali. Hal itu disebabkan adanya kemungkinan untuk saling mengisi antara keduanya. Dalam erti, teknologi dan media komunikasi boleh menjadi sarana bagi pengajaran dan pembelajaran.

Hal ini juga berimplikasi terhadap pengajian al-Qur'an di PTIQ. ICT berguna sebagai modifikasi dalam metode pengajaran klasik sebelumnya. Justeru, dapatan kajian berkaitan pengekodan bagi kategori ICT menunjukkan keseluruhan informan menyatakan pengajaran al-Qur'an harus melibatkan teknologi. Hal ini adalah sebagaimana petikan temu bual daripada informan P3 seperti berikut:

Pengajaran al-Qur'an dan ilmu al-Qur'an mahu tidak mahu harus melibatkan teknologi. Kerana itu ada kursus *Pemanfaatan IT dalam Pengajaran al-Qur'an dan Tafsir*. Saya sendiri juga memanfaatkan itu. Hasil-hasil kajian al-Qur'an juga harus disebarluaskan sesuai dengan perkembangan teknologi informasi dan komunikasi.

Perkara ini turut diperakui oleh informan KJ sebagaimana kenyataan berikut: "Memanfaatkan fasiliti digital untuk membantu meningkatkan skill pelajar dan

pensyarah. Keduanya membiasakan menggunakan media internet untuk memperkaya sistem belajar”.

Berdasarkan maklumat temu bual di atas, teknologi mencuba memberikan tawaran-tawaran penyelesaian sebahagian kegelisahan manusia. Kehadirannya memberikan upaya menjadikan kehidupan manusia lebih sederhana, mengurai kerumitan, mempermudah akses pengetahuan, mempersingkat cara bekerja, dan efisien. Apatah lagi yang terjadi pada masa kini, wabak Covid telah melanda pelbagai negara di dunia menyebabkan internet telah menjadi jendela baru transmisi pengetahuan yang diterima oleh pelajar. Sarana p&p pun tidak terhad pada sekat-sekat ruang kelas. *Youtube*, *Google* dan *platform* media online dimanfaatkan sebagai tutorial, informasi, streaming kelas jarak jauh dan gudang penyimpanan pengetahuan yang sangat menjanjikan.

Selain itu, penggunaan *e-learning* (pembelajaran elektronik) merupakan suatu perkembangan baru hasil daripada ledakan penggunaan ICT. Ianya menjadi medium yang cepat, mudah dan pantas dalam pengajian al-Qur'an di PTIQ. Dengan adanya kemudahan teknologi moden hari ini, proses pengajian tafsir al-Qur'an dan penyebaran mesej dakwah Islam berdasarkan al-Qur'an akan bertambah kokoh. Perkara ini boleh dikaitkan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Bahrur Rosi (2018) dan Arif Rahman (2019) bahawa ICT hanya sebagai alat dalam menyampaikan mesej kepada khalayak ramai. ICT dalam kandungan dakwah mutlak diperlukan mengingat sasaran yang menjadi rakan kongsi dakwah sangat beragam dan multi dimensi, akan tetapi yang sangat penting untuk diutamakan adalah sumbernya haruslah diambil dari al-Qur'an dan hadith. Dan penggunaan ICT di dalam dunia pendidikan mestilah berdasarkan falsafah pendidikan Islam itu sendiri.

Dengan demikian, tampak penggunaan ICT sebagai sumber bahan belajar, alat bantu dan fasiliti pendidikan. Hal ini merupakan suatu petanda yang baik untuk berkembang maju dalam dunia pendidikan. Kemajuan ICT yang semakin pantas, luas, mudah dan terbuka (Zaid Ahmad dan Ahmad Tarmizi Talib, 2000) telah mendorong PTIQ untuk merealisasikan dan memajukan gagasan atau idea secara efektif dan efisien. Ini dapat dilihat dari fasiliti penunjang dalam proses pembelajaran yakni di makmal bahasa, internet, multimedia, *website* sebagai layanan informasi dan rujukan walaupun dengan kadar yang mencukupi bahkan sesetengahnya masih kurang. Walau bagaimanapun, ia diperlukan dalam usaha manusia untuk menerokai ilmu-ilmu dan menyebarkan maklumat bagi pembangunan minda dan sekaligus membantu dalam membangunkan manusia dalam dimensi ekonomi, sosial, politik mahupun agama (Fadhlullah Jamil, 2000).

Hal-hal inilah yang boleh diperkatakan sebagai pemerkasaan pengajian al-Qur'an menerusi ICT. Gerakan kesedaran yang mempertemukan dan mengkolaborasikan teknologi ke dalam pengajian al-Qur'an merupakan cara cerdas dalam menyampaikan segala pesan moral al-Qur'an. Trend keilmuan saintifik dan teknologi moden memberikan arah agar upaya dan ijihad yang dilakukan dalam Islam lebih mudah menyentuh secara realiti.

## Pemantapan Metode Pengajaran

Salah satu karakteristik yang perlu ada di dalam dimensi pemerkasaan adalah metode pengajaran. Dimensi kurikulum tidak akan lengkap dan sempurna sekiranya metode pengajaran

tidak dititikberatkan. Kurikulum yang baik belum merupakan jaminan bagi keberhasilan pengajaran, bahkan kurikulum yang baik boleh memberi hasil yang tidak baik jika dalam pelaksanaan pendidikan itu digunakan strategi yang keliru. Sebaliknya, kurikulum yang kurang baik boleh memberi hasil yang baik jika dalam proses pengajaran digunakan metode pengajaran yang sesuai dan tepat.

Perkara ini ikut ditekankan oleh pihak PTIQ. Justeru, dapatan temu bual berkaitan dengan pengekodan kategori ini didapati daripada informan P1 yang memberikan penekanan utama kepada penyesuaian kursus yang diajarkan pensyarah. Lebih lanjut beliau memperkatakan:

Apabila merujuk kepada jawaban-jawaban di atas maka saya dapat katakan ada, hanya saja harus disesuaikan kursusnya, sehingga dapat diambil keputusan bagi pensyarah yang bersangkutan untuk merancang pengajaran apa, dengan pola apa, metode/teknik bagaimana, serta dengan pendekatan seperti apa.

Oleh itu, menurut penyelidik pensyarah di PTIQ menentukan pilihan kaedah pengajaran dalam proses p&p adalah mengikut budi bicara seorang pensyarah dan ianya tidak tetap. Manakala menerusi Buku Pedoman Akademik PTIQ, penyelidik membuat kesimpulan bahawa pensyarah menggunakan dua atau tiga metode bahkan lebih. Setiap tema pembahasan menerusi silibus pengajian, pensyarah akan menyampaikan materi dengan metode seperti ceramah, tanya jawab, diskusi dan tugas penulisan akademik. Pensyarah memberi syarahan terlebih dahulu sebagai pengenalan untuk memberikan pemahaman kepada pelajar di setiap awal tema perbahasan. Kemudian mengaplikasikan pelbagai metode bagi memudahkan pelajar menerima kefahaman. Oleh itu, pensyarah sewajarnya memiliki pengetahuan yang luas dan mendalam untuk membantu pelajar dalam pembelajaran.

Walau bagaimanapun, penyelidik berpandangan pensyarah perlu arif memilih metode yang sesuai dengan mengambil kira perbezaan latar belakang dan tahap pemikiran pelajaran agar ilmu yang disampaikan mudah difahami (Sofiah Mohamed, et al, 2016). Ini selari dengan kenyataan Abdul Manan dan Irwan (2003), pensyarah harus mempelbagaikan metode pengajaran dari masa ke semasa mengikut tahap dan kemampuan penerimaan pelajar. Oleh itu, apa jua pendirian seorang pensyarah terhadap metode yang digunakan, ianya harus dilakukan secara maksimal dan bertanggungjawab. Kesungguhan pensyarah memainkan peranan penting dalam memastikan matlamat pengajaran tercapai. Walau sehebat mana teori dan secanggih mana pun teknologi yang dihasilkan, jika sikap dan tanggungjawab pensyarah seperti melepas batu di tangga, halatuju pengajaran al-Qur'an tidak akan sampai pada sasarannya. Justeru faktor utama kejayaan pengajaran al-Qur'an terletak pada keikhlasan dan sikap positif yang ada pada seorang pengamal pendidikan yang sejajar dengan falsafah pendidikan Islam di Indonesia ke arah melahirkan generasi muda yang dinamik, produktif, bertanggungjawab kepada agama dan bangsa.

## **Peningkatan Profesionalisme Kemahiran Pensyarah**

Sumber daya manusia dari suatu bangsa merupakan faktor paling menentukan karakter percepatan pembangunan sosial dan ekonomi. Dalam kaitannya dengan pendidikan, pensyarah dapat dikatakan sebagai sumber daya manusia yang berfungsi sebagai pengatur dan pengurus

pendidikan sehingga dihasilkan pendidikan yang berkualiti sesuai dengan *standard* yang sudah ditetapkan. Selain itu, pensyarah sebagai suatu aset dan pelaburan modal manusia (*human capital investment*) yang menjadi penentu keberhasilan sehingga *output* yang dihasilkan yakni graduan mempunyai *standard* pendidikan berkualiti. Dan kemahiran yang ada pada diri pensyarah menjadi penentunya.

Lantaran itu, PTIQ melaksanakan program meningkatkan kepakaran pensyarah dalam bidang-bidang berkaitan al-Qur'an seperti kemahiran dalam bidang *tarannum*, *qira'at* dan sebagainya. Usaha-usaha lainnya bagi membangunkan kemahiran pensyarah juga dilakukan melalui peluang-peluang latihan di dalam dan luar negara. Tenaga pengajar dikehendaki menghadiri kursus-kursus berkaitan pengajaran dan pembelajaran (Borang Akreditasi Program Studi IAT Fakulti Usuluddin Institut PTIQ Jakarta, 2019). Hal ini diperkuuh dengan maklumat yang diberikan oleh informan DF seperti berikut:

Sistem pengembangan pensyarah meliputi pengembangan kerjaya akademik dan pengembangan kerjaya bukan akademik. Sistem pengembangan kerjaya akademik dilakukan dengan pemilihan/penentuan spesialisasi keilmuan, peningkatan kualiti pengajaran melalui *Training for Trainers (TOT)* untuk kursus, kegiatan ilmiah dan pelatihan di kampus mahupun di luar kampus, sambung belajar, keharusan melakukan penyelidikan dan pengabdian masyarakat. Kegiatan di luar kampus meliputi simposium, seminar, lokakarya, studi banding serta pelatihan-pelatihan sama ada di dalam mahupun di luar kampus. Pengembangan pensyarah melalui *TOT* dimaksudkan untuk peningkatan kualiti pensyarah dan bahan pengajaran melalui pertemuan berkala kursus yang sama. Kegiatan ini secara teknikal dilakukan dengan mengadakan penilaian dan diskusi secara intensif terhadap materi kursus yang diajarkan, sama ada keluasan mahu pun kedalamannya selanjutnya dilakukan penyusunan suatu bahan pengajaran secara rinci yang seragam bagi kelas-kelas yang selaras.

Menerusi maklumat tersebut, sememangnya jelas langkah-langkah dalam meningkatkan kualiti pensyarah. Pihak PTIQ telah menyediakan pelbagai cara kepada semua pensyarah sehingga boleh melahirkan kemahiran, kesungguhan dan iltizam yang tinggi terhadap tugas mengajar yang diberikan kepada pensyarah tersebut. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, satu *standard* kompetensi dalam bidang perguruan dan program pendidikan bagi tenaga pengajar PTIQ telah diwujudkan sebagai satu piawai untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab secara lebih berkesan dengan bimbingan terperinci ke arah meningkatkan kualiti pengajaran. *Standard* ini dibangunkan bagi membentuk jati diri dan motivasi mereka untuk memperlihatkan identiti sebagai penggerak institusi al-Qur'an di Indonesia.

Selain daripada itu, keupayaan tenaga pengajar PTIQ boleh dijana dengan memberi bimbingan dan pendedahan melalui program *coaching*, *mentoring* dan *attachment* di institusi-institusi pengajian yang berkaitan dengan bidang-bidang yang dikenal pasti. Dalam masa yang sama, pemerkasaan tenaga pengajar PTIQ boleh dilakukan dengan pengambilan tenaga pakar pensyarah luar negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu. Pencarian tenaga pengajar yang berkompelensi tinggi dalam bidang al-Qur'an juga boleh dilakukan melalui

pendekatan *talent scouting* bagi mengesan bakat dan kecenderungan bakal pensyarah muda yang menunjukkan pencapaian akademik dan keperibadian yang tinggi sejak di institusi pengajian lagi. Apatah lagi dalam era globalisasi hari ini, kecemerlangan sesebuah institusi pengajian tinggi boleh dikenal pasti melalui kredibiliti ahli akademiknya yang disanjung seluruh dunia kerana memiliki tahap kemahiran yang tinggi. Dengan demikian, pemerkasaan pensyarah merupakan suatu kekuatan penting kerana ianya boleh menghubungkan antara ilmu yang dimiliki dengan metode penyampaian pengajaran bagi matatjahkan mencapai hasil objektif pengajaran (Abdul Rahim Abd Rashid, 2005).

## Kesimpulan

Keempat dimensi pemerkasaan yang penyelidik cuba tawarkan adalah bentuk praktis pengajian al-Qur'an di PTIQ yang mengarah kepada gagasan revolusioner. Kerana pada dasarnya pendidikan Islam di Indonesia memiliki sifat terbuka atas segala macam bentuk pembaharuan, begitupun teknologi yang datang belakangan dalam beragam wajahnya. Justeru, sebagai sebuah aktiviti yang sangat kompleks, pemerkasaan pengajian al-Qur'an di PTIQ hendaklah berhujung kepada perubahan-perubahan yang dilakukan secara berperingkat, konsisten dan berterusan. Perubahan itu tidak hanya diarahkan untuk pemurnian pengajian al-Qur'an sahaja. Tetapi lebih jauh daripada itu, diperlukan penciptaan keadaan untuk membuat pengajian al-Qur'an berkembang dan perkasa untuk mengembalikan kecemerlangan pengajian al-Qur'an sebagaimana keadaannya sebelum zaman moden. Dengan demikian, untuk mencapai tujuan tersebut diperlukan pengetahuan, sikap, dan keterampilan yang dilakukan oleh semua pihak di PTIQ.

## Rujukan

- Abd Rahim Abd Rashid. 2007. *Profesionalisme Keguruan: Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdu Rahim Hamdan. 2007. *Pengajian Kurikulum*. Skudai: UTM.
- Abdul Manan Ismail & Irwan Mohd Subri. 2003. Pembaharuan Metodologi Pengajaran Fiqh Menurut al-Syaukani. Perkaedahan Pengajaran Guruan Islam: Antara Tradisi dan Inovasi, ed. Khadijah Abdul Razak, et al. *Prosiding Wacana Guruan Islam Siri 3*, Fakulti Guruan UKM, 16 Oktober 2003.
- Ahmad Syafi'i Maarif. 2007. Pendidikan Islam dan Proses Pemberdayaan Bangsa. *Pendidikan Islam dalam Peradaban Industrial*, ed. Muslih Usa dan Aden Widjan S. Z.
- Amiruddin. 2017. Dinamika Lembaga Pendidikan Tinggi Islam di Indonesia. *Jurnal Miqot*, XLI.
- Arif Rahman. 2019. Millenial Awakening: Negosiasi Pendidikan Islam, Kaum Muda & Teknologi Terhadap Perubahan Global. *Pendidikan Islam di Era Revolusi Industri 4.0*, ed. Arif Rahman. Depok: Komojoyo Press.
- Azyumardi Azra. 2000. *Pendidikan Islam, Tradisi dan Modernitas Menuju Milenium Baru*. Jakarta: Logos.
- Badri Yatim. 2010. *Sejarah Peradaban Islam Dirasah Islamiyah II*. Jakarta: Rajawali Pers.

- Bahrur Rosi. 2018. Media dan ICT dalam Problematika Dakwah. *Jurnal Ulumuna: Jurnal Studi Keislaman*, 4(1).
- Borang Akreditasi Program Studi IAT Fakulti Usuluddin Institut PTIQ Jakarta 2019.
- Elok Noor Farida dan Kusrini. 2013. Studi Islam Pendekatan Hermeneutik. *Jurnal Penelitian*, 7(2).
- Fadhlullah Jamil. 2000. IT, Perkembangan dan Kesannya Terhadap Umat Islam. *Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Harapan, Cabaran dan Barakah*. Alor Setar: Institut Agama Islam Negeri Kedah.
- Howard M. Federspiel. 1994. *Popular Indonesian Literature of the Qur'an*. New York: Cornell University.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Laman Sesawang PTIQ.
- Laman Sesawang Wikipedia.
- M. Endy Saputro. 2011. Alternatif Tren Studi Qur'an di Indonesia. *Jurnal al-Tahrir*, 11(1).
- Miles, M.B., Huberman, A.M., & Saldana, J. 2014. *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook* (3<sup>rd</sup> edition). New York: SAGE Publications.
- Mohamad Hudaeri. 2014. Revitalisasi dan Pemberdayaan Fakultas Ushuluddin dan Dakwah: Kajian Atas Pengembangan Fakultas Ushuluddin dan Dakwah IAIN Sultan Maulana Hasanuddin Banten. *Jurnal ar-Raniry: International of Islamic Studies*, 1(1).
- Mulyono, M. dan Wekke, I. S. 2018. *Strategi Pembelajaran di Abad Digital*. Yogyakarta: Penerbit Gawe Buku.
- Mustari Mustofa. 2009. Liberalisasi Pendidikan Tinggi Islam. *Jurnal Tadrîs*, 4(1).
- Muzhoffar Akhwan. 1997. Karakteristik, Tujuan dan Sasaran Pendidikan Islam. *Pendidikan Islam dalam Peradaban Industrial*, ed. Muslih Usa dan Aden Widjan S. Z. Yogyakarta: Aditya Media.
- Noor Hisham Md Nawi. 2011. *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Perak: UPSI.
- Safrudin Edi Wibowo. 2017. *Kontroversi Penerapan Hermeneutika dalam Studi al-Qur'an di Indonesia*. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.
- Sofiah Mohamed, et.al. (2016). Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Akademika*, 2.
- Suyanto. 2006. *Dinamika Pendidikan Nasional dalam Percaturan Dunia Global*. Jakarta: PSAP Muhammadiyah.
- Yohan Kurniawan, et.al. 2012. Mengapa Pelajar Takut Bertanya dalam Kuliah: Sebuah Kajian di Universiti Malaysia Kelantan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15(13).
- Zaid Ahmad dan Ahmad Tarmizi Talib. 2000. Islam dan Isu-Isu Ketamadunan dalam Era Ledakan Maklumat. *Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Harapan, Cabaran dan Barakah*. Alor Setar: Institut Agama Islam Negeri Kedah.
- Zaili Rusli. 2014. *Pemerksaan Masyarakat: Konsep, Kebijakan dan Implementasi*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.